

Tasawwur Islam
5226
November
2022
2 ½ jam



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**TASAWWUR ISLAM
Dua Jam Tiga Puluh Minit**

telegram @soalanpercubaanspm
JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B
2. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk dan **Bahagian B** mengandungi **enam** solan subjektif
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **Empat soalan** pada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A dan B** dalam buku jawapan yang anda sediakan sendiri.
5. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Bahagian A
[20 markah]
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga 4

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

1. Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
2. Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.
3. Institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara yang patuh syariah.
4. Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah


ibadah	agama	saksama	hiburan	sendiri	adil
--------	-------	---------	---------	---------	------

telegram @soalanpercubaanspm

5. Konsep _____ 5 _____ dalam Islam adalah untuk mengagungkan kebesaran Allah SWT dan mendidik jiwa.
6. Islam tidak melarang kesenian, Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan _____ 6 _____ dan akhlak.
7. Khalifah perlu menunaikan hak terhadap rakyat di bawah kepimpinannya secara _____ 7 _____ tanpa membezakan pangkat, ikatan kekeluargaan atau warna kuit.
8. Antara kebaikan bekerja adalah untuk mencari rezeki yang halal untuk menyara kehidupan _____ 8 _____ dan keluarga.

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul tentang prinsip negara Islam.



9. P ialah : _____


10. Q ialah : _____

11. R ialah: _____

Soalan 12 – 15

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul yang berkaitan dengan proses kejadian insan.

telegram @soalanpercubaanspm



12. V ialah _____

13. W ialah _____

14. X ialah _____

15. Y ialah _____

Soalan 16 - 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

16. Khilafah ialah sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT

17. Qazaf ialah menuduh seseorang yang jahat melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.

18. Cukai Jizyah dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlindung dalam sebuah negara Islam.

19. Al-Ijmak ialah menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan.

20. Memberi minum kepada anjing jalanan adalah contoh akhlak mahmudah.

Bahagian B
[80 Markah]
Jawab empat soalan sahaja.

Agama Islam yang telah disempurnakan dan direhui Allah SWT adalah nikmat terbesar bagi umat manusia sehingga mereka tidak memerlukan selainnya.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Islam ? [2 markah]
(ii) Terangkan dua kepentingan rukun Islam. [4 markah]



Gambar 1 : Contoh ibadah kepada Allah SWT

Gambar 1 di atas, menunjukkan contoh ibadah khusus fardhu ain yang menjadi kewajipan bagi setiap individu muslim.

- (iii) Jelaskan dua kepentingan ibadah solat dalam Islam. [4 markah]

Sabda Rasulullah SAW: "Kebaikan itu adalah akhlak yang mulia dan dosa adalah apa yang terasa mengganggu jiwamu, dan engkau tidak suka jika diketahui manusia."

(Riwayat Muslim).

- (b) (i) Hadis di atas menjelaskan tentang perlakuan terpuji dan tercela sebagaimana di gambarkan oleh Islam.
Jelaskan maksud akhlak menurut Islam. [2 markah]



Gambar 2 : Pekerja binaan sedang bekerja

Pekerjaan merupakan satu kegiatan yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan sumber rezeki yang halal.

- (ii) Bincangkan kesan jika seseorang seseorang hidup tanpa pekerjaan. [4 markah]

Sistem ekonomi Komunis muncul akibat ketidakadilan dalam pengagihan harta kekayaan dalam masyarakat.

- (iii) Berikan **dua** sebab sistem ekonomi tersebut bertentangan dengan Islam. [4 markah]

Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 6:165, yang bermaksud : " Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan dia meninggikan beberapa darat sebahagian kamu ... "

- 2 (a) (i) Jelaskan pengertian khalifah berdasarkan ayat di atas. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. [4 markah]

Sejak akhir-akhir ini tular di media sosial mengenai kejadian cubaan membunuh diri dalam kalangan orang Islam.

- (iii) Perbuatan membunuh diri adalah dilarang dalam Islam. Berikan hujjah anda. [6 markah]

Undang-undang Islam membahagikan jenayah kepada empat pembahagian utama berdasarkan pada hukuman yang dikuatkuasakan iaitu hudud, qisas, takzir dan diat.

- (b) (i) Berikan pengertian diat. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** sumber rujukan utama dalam sistem kehakiman Islam. [2 markah]



Gambar 3 : Hadis tentang peraturan bergaul dalam Islam

- 3 (a) (i) Terangkan maksud pergaulan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya supaya mengamalkan sifat mahmudah dalam pergaulan. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **empat** contoh sifat mahmudah dalam pergaulan. [4 markah]

Pengurusan Islam merupakan proses penting bagi mengendalikan manusia, organisasi dan matlamat pengurusan yang hendak dicapai berlandaskan Al-quran dan hadis. Pengurusan Islam merangkumi peranan tauhid sebagai asas utama pengurusan.

(Artikal : Pengurusan dalam Islam – Ahmat Izham)

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan menurut Islam ?. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** asas utama pentadbiran dan pengurusan di zaman Rasulullah SAW. [4 markah]
- (ii) Berikan **dua** etika tadbir urus dalam Islam. [4 markah]
- 4 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perkara ghaib ?. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh perkara ghaib. [2 markah]
- (b) (i) Antara prinsip pandangan hidup Islam ialah murunah. Jelaskan maksud murunah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** kelebihan sifat murunah. [4 markah]

Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah untuk memudahkan urusan manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Antara muamalah tersebut seperti al-Rahnu, al-Wadiah, al-Murabahah, al-Bai'-Bithaman Ajil, al-Ijarah dan sebagainya.

- (c) (i) Berdasarkan pernyataan di atas jelaskan **dua** sebab mengapa Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah tersebut. [4 markah]
- (ii) Cik Zulfa ingin membeli sebuah kereta untuk memudahkan beliau berulang alik ke tempat kerja.
Apakah jenis muamalah Islam yang sesuai untuk beliau? Jelaskan keistimewaan muamalah tersebut. [6 markah]



Gambar 4 : Wahyu pertama yang diturunkan

- 5 (a) (i) Berdasarkan gambar 4 di atas, apakah yang dimaksudkan dengan wahyu? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara wahyu membimbing akal manusia dalam mengenal Allah SWT. [4 markah]



Gambar 5

- (iii) Gambar 5 di atas adalah mengenai bilangan kejadian bencana yang telah berlaku di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2018. Berdasarkan statistik diatas, jelaskan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT dalam menjaga kelestarian alam. [6 markah]

Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah 45:18 yang bermaksud: "Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan perundangan daripada hukum agama, maka turutlah ia, dan janganlah dituruti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."

- (b) (i) Berikan pengertian kehakiman Islam. [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** syarat perlantikan hakim dalam Islam. [2 markah]
(iii) Terangkan **dua** cara menjauhkan diri dari perbuatan jenayah. [4 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud " Sesungguhnya Allah SWT itu indah, Dia suka akan segala yang indah."

(Hadis riwayat Muslim)

- 6 (a) (i) Nyatakan pengertian kesenian menurut Islam. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** konsep kesenian menurut pandangan Islam. [4 markah]
(iii) Senaraikan **empat** etika berhibur dalam Islam. [4 markah]
(b) (i) Bincangkan **dua** hak khalifah keatas rakyat di bawah kepimpinannya. [4 markah]

telegram @soalanpercubaanspm

Konsep syura adalah cara yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah sebagaimana ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

- (ii) Setujukah anda dengan pernyataan di atas.
Berikah hujjah anda. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT